

02 SEP 1997

UCAPAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN QATAR

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengutus ucapan tahniah kepada Raja Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani sempena Hari Kebangsaan Qatar yang ke-26, esok.

Tuanku Ja'afar mendoakan Sheikh Hamad sihat dan aman damai bersama-sama kemajuan dan kemakmuran rakyat Qatar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirinkan ucapan kepada Perdana Menteri Sheikh Abdullah Khalifa Al-Thani.

"Saya percaya kedua-dua kerajaan akan meneruskan kerjasama dan bekerja bersama-sama untuk mengukuhkan hubungan persahabatan antara dua negara," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar ucapan tahniahnya kepada rakan sejawatannya, Sheikh Hamad Jassem Jabr Al-Thani.

"Saya yakin hubungan baik dan kerjasama antara kedua-dua negara akan terus berkembang di tahun-tahun akan datang bagi kebaikan kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA

SN NN AHH